

Di mana tempat perlindungan..

terhadap apa sahaja yang dilakukan oleh kedua ibu bapa dan para pendidikannya. Jiwa mereka masih senang dilontar dengan apa bentuk dan hati mereka masih boleh dicorakkan dengan apa warna sekalipun. Menumpahkan perasaan “kasih sayang” yang melewati batas, sehingga menjadikan ia seorang anak yang “manja” akan merosakkan masa depan anak itu sendiri. Kanak-kanak yang sudah tertanam di dalam jiwanya perasaan “manja” yang mendalam, hatinya akan menjadi keras, menelurkan sifat “degil”. Apabila sifat “degil” ini sudah bersarang dan berakar berumbi dijiwanya, maka ia sudah tidak masuk ajar lagi; di kala itu emosi “penentangan” terhadap apa sahaja nasihat dan teguran yang berlawanan dengan kemahuan hatinya akan menjalar ke segenap urat sarafnya.

Cara-cara Pendidikan Yang Salah:

Di dalam keadaan suasana yang sebegini keruh, akibat dari salah pendidikan yang diberikan oleh seorang bapa yang sentiasa sibuk dengan urusan di luar rumah, salah panduan yang dilaksanakan oleh seorang ibu yang jahil di dalam ilmu pendidikan, ibu yang menganggap bahawa dengan memanjakan seorang anak yang lebih dari batasan yang tertentu, itulah yang dinamakan “kasih sayang” yang sebenarnya, akan muncullah suatu generasi Muslim angkatan baru yang “keras kepala”, degil dan bingal serta tidak mahu menerima sebarang pengajaran yang baik, nasihat-nasihat yang

berguna untuk membimbing mereka ke arah jalan hidup yang cemerlang di kala mereka telah mulai masuk melangkah kakinya ke alam dewasa atau boleh juga kita namakan ‘alam pancaroba’, di mana pada saat itu setiap manusia mulai menghadapi zaman gelora, mempunyai tanggungjawab sendiri dalam mengendalikan soal hidup di maya pada yang luas terbentang ini.

Kalau cara pendidikan berasaskan emosi “kasih sayang” yang melebihi batasan itu akibatnya akan merosakkan masa depan yang bakal dilalui oleh setiap kanak-kanak di kala ia melangkah masuk ke alam dewasa kelak, maka cara pendidikan yang berkonsep “kekerasan” sampai terkeluar dari sifat perikemanusiaan terhadap kanak-kanak yang masih berjiwa lemah, sehingga tidak memberi peluang langsung kepada kanak-kanak itu mengangkat kepala untuk menentang wajah kedua ibu bapanya, ini juga lebih membahayakan masa depan kanak-kanak itu. Jiwa seorang kanak-kanak yang sentiasa menerima pendidikan yang keras, cuping telinganya setiap hari dipantak dengan kata-kata maki hamun yang menggegar bumi, akan menjadi satu jiwa yang beku, kaku dan mati, fikirannya akan menjadi buntu dan lembab, lantaran hidupnya dikelubungi oleh suasana penindasan yang membunuh semangat keberanian untuk menentang segala hak dan kebenaran. Akibatnya apabila ia besar kelak ia akan menjadi seorang pemuda yang penuh dengan sifat-sifat pengecut, tidak lepas laku dan merasakan dirinya hina yang menyebabkan ia tidak berani menghadapi tekanan-tekanan hidup dan lantas melarikan diri dari masyarakat.

Seorang kanak-kanak yang jiwanya sudah begitu rosak akibat dari dua cara pendidikan yang salah, tidak mengikuti konsep dan dasar-dasar ilmu pendidikan yang sebenarnya, mestilah segera diubati sebelum ianya merebak menjadi besar dan mengalir ke segenap urat saraf seorang kanak-kanak yang pada suatu masa kelak kita harap-harapkan menjadi seorang “pemuda-pemudi harapan bangsa” yang benar-benar faedah kepada seumum masyarakat bangsa, agama dan tanah airnya.

Demi untuk mengatasi kerosakan jiwa setiap kanak-kanak akibat dari salah pendidikan yang diberikan oleh ibu bapa dan para pendidik dalam masyarakat orang-orang Islam pada hari ini, maka di sini saya suka menyeru khususnya para guru-guru yang mempunyai tanggungjawab di lapangan pendidikan terhadap kanak-kanak yang berada dalam tingkatan permulaan “di taman-taman asuhan” dan “di sekolah-sekolah rendah” supaya dalam lingkungan pendidikan sebegini rendah, hendaklah mereka lebih menitik-beratkan dalam soal mengkaji jiwa setiap kanak-kanak yang di bawah pendidikannya itu, serta meneliti dengan sehabis-habis cermat akan *hiwāyah fitriyyah* (kecenderungan semula jadi) yang ada tertanam di jiwa kanak-kanak itu.

Maka untuk menjalankan penyelidikan yang sebegini sulit bagi menyelami jiwa seorang kanak-kanak yang masih dalam tingkatan umur begitu mentah, di samping memerlukan kemahiran di lapangan “ilmu jiwa kanak-kanak” dan “ilmu jiwa pendidikan”, maka emosi “kasih sayang” yang mendalam, mestilah dicurahkan dengan sebanyak-banyaknya terhadap kanak-kanak itu, terutama jika

Di mana tempat perlindungan..

seorang kanak-kanak itu telah kehilangan emosi “kasih sayang” dari kedua ibu bapanya yang bersikap seperti harimau kelaparan terhadap anak-anaknya di rumah, lantaran seorang kanak-kanak yang jiwanya selalu ditekan dan ditindas gejala-gejala dari sifat bengis dan pendidkan yang berdasarkan kekerasan dari sifat ibu bapanya di rumah, adalah menyebabkan rosaknya kesucian jiwa dan terhapusnya cita-cita mulia yang dimiliki oleh kanak-kanak itu dari alam azali.

Agar penyakit rosak jiwa itu tidak akan menular kepada generasi-generasi Muslim angkatan baru, maka di sini saya suka mengemukakan perhatian-perhatian yang penting, khususnya terhadap para pendidik yang bertugas “di taman-taman asuhan Islam” yang sedang mulai berkembang biak di merata-rata negara Islam hari ini, hasil dari semangat keinsafan dan jiwa kesedaran dari kalangan umat Islam sendiri.

Perhatian yang seumpama ini kita hadapkan juga kepada para *mubalighīn* dan *mubalighāt* Islam, agar kiranya semangat ketabahan hati mereka melanda hutan belantara dan desa-desa pingitan yang dipenuhi oleh nyamuk-nyamuk malaria dan binatang-binatang buas, tidak akan kalah dengan semangat dan ketabahan hati para paderi Kristian yang sanggup menempuhi penderitaan meredas hutan rimba yang tebal, mendaki bukit-bukau yang curam, mengharungi lembah paya yang berlumpur dan seterusnya berhadapan dengan binatang-binatang liar yang

membahayakan dengan membawa risalah agama mereka, memperkembangkan ajaran-ajaran Kristian di merata ceruk rantau di mana adanya manusia hidup di dataran bumi Allah yang seluas ini.

Perhatian ini hanya merupakan satu harapan yang belum terlaksana, tetapi kalau kita mendengar kepada hakikat yang sebenarnya segala apa yang ada di hadapan kita pada hari ini, maka terpangpanglah sebuah lampu merah tanda merbahaya yang menunjukkan bahawa dalam masyarakat umat Islam hari ini tidak ada didapati para pendidik dan para *mubalighīn* dan *mubalighāt* yang dipertanggungjawabkan membawa risalah suci yang memounyai tujuan-tujuan mulia, mengandungi pengajaran-pengajaran yang bernilai tinggi, benar-benar telah mencurahkan segenap jiwa raganya untuk memikul tanggungjawab sebegini besar yang telah diamanahkan oleh Tuhan di atas pundak mereka.

Kalau pun ada di antara mereka yang benar-benar berjiwa besar, sanggup melaksanakan segala tugas suci itu dengan bersungguh-sungguh, jujur dan amanah, maka bilangan mereka itu hanya boleh dikira oleh murid-murid kelas satu dengan anak-anak jari mereka; tegasnya bilangan mereka itu tersangat kecil tidak seimbang dengan keluasan bumi Islam yang mempunyai penduduk muslimin lebih dari 6 ratus juta jiwa itu.

Memandang kepada begitu merosotnya tenaga kaum Muslimin dan Muslimat yang ditumpukan kejurusan pendidikan dan tabligh yang benar-benar meninggalkan kesan yang realistik dalam pembentukan sebuah masyarakat Islam tulen, maka di sini dengan tidak jemu-jemu saya bertanya sekali lagi:

* Di manakah akan kita dapati dalam masyarakat Islam hari ini, seorang pendidik Muslimah yang telah berjaya mengajar kanak-kanak Islam memulakan pekerjaannya dengan menyebut nama Allah “*Bismi Allāh*” mengakhirinya dengan memuji Allah “*Al-hamduli‘Llah*”, dan segenap jiwa dan hati nuraninya sentiasa mengingati Allah?

* Di manakah akan kita dapati seorang ibu Muslimah hari ini yang mendendang anak-anaknya dalam buaian dengan nyanyian yang bertemakan senikata-senikata yang bernadakan keimanan, sehingga dari sejak kecil lagi tertanam di jiwa kanak-kanak itu, bahawa Allah sentiasa berada di sampingnya untuk memberi pertunjuk ke jalan yang benar serta memeliharanya dari segala perbuatan-perbuatan maksiat dan mungkar?

* Di manakah akan kita dapati dalam masyarakat Islam hari ini, seorang ibu Muslimah yang suka menceritakan kepada anak-anaknya tentang sifat-sifat kepahlawanan datuk nenek mereka di zaman silam mengangkat senjata dan bertempur di medan perjuangan dengan semangat keberanian yang berkobar-kobar menentang musuh yang cuba hendak memperkosa tanah air dan menodai agama yang mereka cintai?

* Di manakah akan kita jumpai dalam masyarakat Islam hari ini, seorang ibu Muslimah yang dengan penuh rasa kebanggaan membayangkan kepada anak-anaknya tentang keagungan bangsanya, keindahan dan kemakmuran tanah airnya yang kaya dengan hasil bumi merupakan satu rahmat yang dikurniakan Allah kepada seluruh rakyat yang hidup di dalamnya?

* Di manakah akan kita temui di dalam masyarakat Islam hari ini, seorang

Di mana tempat perlindungan..

pendidik Muslimah yang menceritakan dengan terus-terang kepada murid-muridnya tentang sejarah ketibaan musuh-musuh Islam yang datang merampas harta kekayaan yang dimiliki oleh penduduk asli sesebuah negara Islam dan juga sejarah kemasukan kaum penjajah yang dengan tipu muslihatnya yang halus dan licin itu dapat menundukkan orang-orang Islam sebagai bumiputera sesebuah negeri Islam yang ditaklukinya, sehingga mereka merupakan hamba tebusan yang hidup terhina di dataran tanah airnya sendiri?

* Di manakah akan kita dapati dalam masyarakat Islam hari ini, ibu bapa dan para pendidik yang gemar membacakan di hadapan anak-anak mereka kisah pahlawan-pahlawan Islam di zaman silam seperti Saiyidina Abu Bakar, Saiyidina Umar, Saiyidina Uthman, Saiyidina Ali, Saiyidina Hamzah, Saiyidina Jaafar dan sifat-sifat kepahlawanan Khalid ibn Walid, Tariq ibn Ziyad dan kisah keberanian srikandi-srikandi Islam seperti Sumayyah, Khawlah, Nusaybah dan al-Khunnā'.

* Di manakan akan kita temui dalam masyarakat Islam hari ini, para pendidik dan ibu bapa Muslim pada waktu-waktu yang ditentukan dilihat oleh murid-murid dan anak-anak mereka menunaikan sembahyang fardu dengan penuh khusyuk, menunaikan puasa Ramaḍān dan membaca ayat-ayat Tuhan dari lembaran kitab suci al-Qur'an al-Karim, sedang di jiwa mereka penuh rasa keimanan serta menginsafi akan kebenaran dan keindahan dari pengajaran yang diturunkan Allah untuk dijadikan

panduan hidup seluruh manusia yang ingin mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat?

* Di manakah akan kita dapati dalam masyarakat Islam hari ini, para pendidik dan ibu-ibu Muslimah yang mengambil berat dan memaksa murid-murid dan anak-anak mereka mendirikan sembahyang dengan cara mereka lebih dahulu hendaklah menunaikan segala kewajipan yang diperintahkan oleh agama, di samping itu dengan mengikuti dasar-dasar pendidikan moden menanamkan ke dalam jiwa murid-murid dan kanak-kanak semangat keagamaan yang mendalam sera menerangkan kepada mereka hikmah-hikmah yang terkandung di dalam amalan sembahyang, puasa, zakat dan haji dari segi rohani, jasmani dan dari segi pergaulan dalam membentuk sebuah masyarakat Islam yang kukuh dan konkrit?

* Di manakah akan kita jumpai dalam masyarakat Islam hari ini, para pendidik Muslimah yang sanggup membentuk peribadi suatu generasi Muslim angkatan baru yang berjiwa tegas, teguh akidahnya, mulia, akhlakunya dan cecal hati dalam menghadapi segala pancaroba hidup yang beraneka ragam, tidak lekas berputus asa tidak merasakan dirinya terhina dan tidak pula dapat dipengaruhi oleh tipu daya hawa nafsu yang akan menjerumuskan seseorang itu ke jurang kecelakaan hidup dunia dan akhirat?

Akhir sekali di manakah akan kita temui dalam masyarakat Islam hari ini, golongan ibu-ibu dan para pendidik yang segenap tenaganya dicurahkan untuk membina suatu masyarakat Islam yang mana anggotanya

terdiri dari pemuda-pemudi angkatan baru yang berjiwa progresif, berfikiran luas dan bersemangat waja dalam memperjuangkan cita-cita bangsa, membela kesucian agama dan kemuliaan tanah air?

(Inilah beberapa soalan yang telah dikemukakan oleh al-Ustādh Yusuf al-'Azam – penulisan makalah yang berharga ini – kepada ibu bapa dan para pendidik Muslimin dan Muslimat yang mempunyai tanggungjawab besar di lapangan pendidikan generasi Muslim angkatan baru. Jawapannya kita kembalikanlah kepada seumum kaum Muslimin dan Muslimat yang mana mereka semualah memikul tanggungjawab dalam soal-soal penting yang telah dikemukakan oleh penulis makalah ini. Maka untuk melanjutkan perbahasan ini, marilah kita menunggu sambungannya di ruangan majalah QALAM bulan depan – Pengarang). Bersambung

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah IV

GABNOR dan HAKIM

sa-buah 60 sen.

belanja Pos 10 sen.

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah V

DUSTA YAHUDI

Harga 40 sen.

Pos 10 sen.

Pesan-lah kepada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling jaya,

Selangor.